

24/08/2003

Imej `ultra Melayu' sudah lenyap: Dr Mahathir

Kadir Dikoh; Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Imej `ultra Melayu' terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga menimbulkan kesangsian terutama di kalangan masyarakat Cina ketika beliau mula dilantik sebagai Perdana Menteri pada 16 Julai 1981, kini sudah lenyap.

"Jadi tak benarlah sangkaan buruk terhadap diri saya pada 1981 itu (untuk) kekal dan menjadi kenyataan. Kepada saya ini adalah satu pencapaian yang akan sentiasa saya ingat.

"Ini kerana ia adalah baik bagi negara kita. Negara kita perlu kepada keamanan dan kestabilan yang tak mungkin dicapai jika rakyat pelbagai kaum tidak menjalin hubungan baik antara mereka," kata Dr Mahathir ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional 2003 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) di sini, semalam.

Berdasarkan rekod sejarah, orang yang pertama memberi gelaran ultra Malay atau pelampau Melayu kepada Dr Mahathir adalah Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew ketika menjadi Ahli Parlimen Malaysia sebelum Singapura disingkirkan dari Malaysia pada 1965.

Dr Mahathir berkata, gelaran ultra Melayu yang diberikan kepadanya itu adalah bermaksud hanya bekerja untuk orang Melayu saja.

"Sebab itu, untuk mengekalkan dasar dan falsafah Tunku Abdul Rahman menjadi amat sukar bagi saya tidak seperti Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. Syak wasangka terhadap saya amat kuat dan ia lebih sukar bagi saya berbanding Tun Razak dan Hussein Onn," katanya yang bersara Oktober ini.

Tetapi katanya, apabila datang untuk merasmikan persidangan Gerakan itu semalam, beliau gembira melihat sambutan ahli parti itu daripada kalangan masyarakat Cina dan India, dengan penuh bersemangat.

Beliau menganggap pengekalan perpaduan dan hubungan rakyat pelbagai kaum yang terus wujud di kalangan masyarakat negara ini sebagai kejayaan terbesarnya sebagai Perdana Menteri.

Katanya, pengasas dan arkitek perpaduan kaum sebenarnya dimulakan oleh Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman dan setiap pemimpin kaum di negara ini memainkan peranan mereka dalam mengekalkan perpaduan hingga sekarang, walaupun wujud pelbagai cabaran.

Dr Mahathir berkata, wartawan asing kerap bertanya kepadanya mengenai kejayaan terbesarnya sepanjang memimpin negara selama 22 tahun, "dan jawapan saya mudah iaitu berjaya merapatkan perpaduan kaum yang diasaskan oleh Tunku Abdul Rahman."

Dalam konteks ini, katanya, kerajaan tidak berniat untuk menukarkan kaum seseorang itu, sebaliknya berusaha mengintegrasikan mereka.

"Saya gembira bahawa pada penghujung kerjaya saya, ini berlaku. Kaum Melayu akan kekal dengan sifat mereka, agama mereka, bahasa dan budaya... bagi kaum Cina pula mereka akan mengekalkan budaya mereka, bahasa dan agama begitu juga dengan kaum India dan penduduk di Sabah dan Sarawak... mereka akan memelihara sifat dan identiti mereka," katanya.

Beliau berkata, keadaan itu tidak menghalang rakyat pelbagai kaum untuk bekerjasama bagi menjamin negara ini menuju ke arah matlamat menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

Katanya, keadaan `sama-sama menang' bagi memupuk perpaduan dan mencapai pembangunan itu, juga memberi faedah kepada kestabilan politik apabila parti yang mewakili kaum tertentu bekerjasama di bawah payung Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir menegaskan semua pihak harus belajar daripada sejarah

sebagai panduan bagi mengelak perkara yang buruk daripada berulang.

"Kita melihat dalam politik dunia hari ini ada pemimpin negara besar yang lupa akan sejarah, malah lupa terhadap pengajaran daripada peristiwa yang baru berlaku.

"Kita melihat dalam dunia hari ini, orang mengingati kejadian pembunuhan beramai-ramai pada masa lalu. Mereka akan mengingati peristiwa itu dan membalas dendam terhadap apa yang berlaku 500 atau 1,000 tahun yang lalu, membalas dendam dengan membunuh dan berlawan antara satu sama lain," katanya.